



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

## **SIARAN MEDIA**

### **PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET) KE DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

---

**Putrajaya, 24 Julai** – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sentiasa cakna dengan keperluan industri negara dalam penyediaan modal insan berkemahiran bagi mendepani Revolusi Industri 4.0. Oleh itu, Kerajaan terus mempergiat Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan **memperuntukan kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam 66 skim perkhidmatan di Gred 19** melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2011 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.

Di samping itu, bagi memastikan Perkhidmatan Awam sentiasa bergerak seiring dengan keperluan negara, **kelayakan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)/Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) juga telah diperuntukkan dalam syarat lantikan bagi dua (2) skim perkhidmatan di Gred 29** iaitu skim perkhidmatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV29 dan Penolong Pegawai Latihan Gred E29.

Selaras dengan Tema 3, Pemangkin Dasar 1, Kajian Separuh Penggal RMKe-12 iaitu **Menambah Baik Ekosistem TVET bagi Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan**, Kerajaan meneruskan usaha memperkasakan TVET di bawah **Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)**. Menerusi SSPA, **JPA telah menyediakan ruang dan peluang kepada graduan berkelayakan TVET untuk berkhidmat**

**dalam Perkhidmatan Awam** melalui syarat lantikan yang lebih luas dan fleksibel. Di antara inisiatif yang diambil adalah **memperluaskan kelayakan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam syarat lantikan di Gred 19 dan DKM/DLKM diperluaskan dalam syarat lantikan di Gred 29**. Pelaksanaan inisiatif ini akan diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam masa terdekat.

JPA sentiasa bekerjasama dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Kemahiran Malaysia, Kementerian Sumber Manusia untuk memperuntukan kelayakan TVET yang diiktiraf MQA dalam kelayakan masuk skim perkhidmatan yang bersesuaian dalam Perkhidmatan Awam.

Walaupun bagaimanapun, penetapan kelayakan TVET dalam syarat lantikan ke Perkhidmatan Awam adalah **bergantung kepada kesesuaian bidang kemahiran tertentu** di dalam skop dan huraian tugas sesuatu skim perkhidmatan, serta dilaksanakan susulan perbincangan dengan Ketua Perkhidmatan yang berkaitan.

Sebagai contoh, peruntukan SKM dalam bidang pengangkutan diletakkan sebagai syarat lantikan ke skim perkhidmatan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19 kerana bidang tersebut yang bersesuaian dgn skim berkenaan berbanding skim perkhidmatan Pembantu Perikanan Gred G19 yang menetapkan syarat SKM dalam bidang pertanian dan asas tani.

### **Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 24 Julai 2024  
E-mel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.2 (72)